

Pencemaran bau di Tanjung Kling selesai

N12 - PANTAI KUNDOR



Farah Suhaidah Othman

PANTAI KUNDOR - Pencemaran bau daripada longgokan hampas kelapa sawit yang ditempatkan di lokasi sementara di Tanjung Kling selesai selepas bahan keluaran pertanian itu mula dieksport ke Nagoya, Jepun, 3 April lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Kundor, Tuminah Kadi @ Hashim berkata penghantaran bahan eksport itu sepatutnya dilaksanakan pada 31 April namun proses itu dipercepatkan bagi meredakan kebimbangan penduduk pada Hari Raya Aidilfitri.

"Sebuah kapal kargo didatangkan dari Jepun untuk memungkah hampas kelapa sawit seberat 10,000 tan dan akan berlayar dari Tanjung Beruas Port menghala ke Jepun, (dan) ini pertama kali penghantaran secara besar-besaran dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Sempena Penghantaran Eksport Pertama 'Certified Palm Kernel Shell' di Tanjung Beruas Port di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Tuminah yang juga Timbalan Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri berkata, berdasarkan laporan yang diterima, pencemaran bau itu berlaku berikutan kawasan yang menempatkan hampas kelapa sawit itu tidak berbumbung dan hanya ditutup dengan kain kanvas.

"Penempatan hampas kelapa sawit di Tanjung Kling adalah penempatan sementara sebelum dihantar ke kapal.

"Oleh kerana keadaan persekitaran yang tidak sesuai, jadi kawasan itu ditutup sepenuhnya dan sebuah gudang dijangka dibangunkan oleh MCORP barulah operasi (penyimpanan sementara hampas kelapa) diteruskan selepas mematuhi syarat-syarat ditetapkan," katanya.

TUMINAH melihat proses eksport hampas kelapa sawit ke Nagoya, Jepun di Pelabuhan Tanjung Bruas. Foto Iqmal Haqim Rosman